



KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

SIARAN MEDIA

MOD.100-2/1/2 Jld 6 (38) 16/05

MINDEF BANTU TINGKAT NILAI TAMBAH DAN KEBOLEHPASARAN VETERAN ATM

SELANGOR, 28 Mei 2024 – Menteri Pertahanan, YB Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin telah merasmikan Majlis Penganugerahan Diploma Kemahiran Malaysia (Program Recognition of Prior Experiential Learning – RPEL) dan Sijil Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT) di Kompleks PERHEBAT, Sungai Buloh, hari ini.

Kementerian Pertahanan melalui Kertas Putih Pertahanan (KPP) memberi keutamaan dan komitmen terhadap inisiatif pembangunan modal insan dan sosio ekonomi kepada bakal pesara dan veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Inisiatif-inisiatif yang digarap ini adalah bertujuan bagi menyediakan anggota ATM yang bakal bersara untuk merancang dan mengatur perjalanan selepas tamat perkhidmatan dengan jayanya.

Melalui inisiatif ini, PERHEBAT telah menganjurkan program Latihan Peralihan dalam bidang Teknikal dan Vokasional (TVET) dan keusahawanan sebagai *Enabler kerjaya* kedua veteran tentera.

Dalam program ini, PERHEBAT kini sedang memantau perkembangan kerjaya seramai **6,851 orang pesara yang telah tamat Latihan Peralihan pada tahun 2023**. Hasil daripada pengesanan kerjaya kedua, sebanyak **60% veteran telah mempunyai kerjaya**, dengan pecahan;

- (a) 17% bekerja dengan majikan;
- (b) 23% menjadi usahawan tunas atau bekerja sendiri;
- (c) 20% menjadi usahawan;
- (d) Manakala 40% veteran sedang mencari pekerjaan.

Kementerian Pertahanan (MINDEF) memberi jaminan akan memperkasakan dan memperhebatkan lagi usaha bagi memberi nilai tambah dan peluang kepada anggota dan veteran dalam melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi dan meningkatkan kebolehpasaran mereka di dalam sektor pekerjaan. Sehubungan itu, PERHEBAT dengan kerjasama Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) telah melaksanakan **Program Recognition of Prior Experiential Learning** atau **RPEL** yang menyediakan **Sijil Kemahiran Malaysia (SKM), Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) dan Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM)**.

Semasa Majlis berlangsung, Menteri Pertahanan telah menyampaikan **Diploma Kemahiran Malaysia kepada 209 anggota dan veteran ATM** dan **Sijil Latihan Peralihan kepada 338 bakal pesara ATM**. Beliau juga turut menyaksikan pertukaran 8 Memorandum Persefahaman antara PERHEBAT dan syarikat swasta, institusi perbankan dan universiti tempatan. Antara yang terlibat adalah Universiti Malaysia Kelantan, Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah, GIATMARA, GGS Global Sdn. Bhd. dan Bravo Energy Sdn. Bhd. bagi program latihan dan penempatan pekerjaan. Manakala, MoU bersama Affin Islamic Bank Bhd., Bank Muamalat Malaysia Bhd. dan Bank Simpanan Nasional bakal menyediakan latihan dan insentif perniagaan kepada veteran ATM.

Menteri Pertahanan turut memaklumkan bahawa PERHEBAT mengambil pendekatan mengenal pasti pihak industri dan melakukan pelbagai usaha padanan pekerjaan atau *jobs matching* secara berkesan dan meluas. Perkara ini akan menjadi cara terbaik untuk menghubungkan secara terus golongan veteran dan bakal pesara ATM dengan pekerjaan yang berkualiti.

-TAMAT-

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“PERTAHANAN NEGARA, TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

Kementerian Pertahanan Malaysia

28 Mei 2024